

Kemahiran Pertuturan dalam Pengajaran dan Pembelajaran (PdP) Bahasa Melayu sebagai Bahasa Asing: Pengalaman di Universiti Malaysia Terengganu (UMT)

Mazlina Ahmad¹, Noor Rohana Mansor^{1*}, Roswati Abdul Rashid¹, Rosdi Zakaria¹ dan Sharipah Nur Mursalina Syed Azmy¹

¹Pusat Pendidikan Asas dan Liberal, Universiti Malaysia Terengganu.

ABSTRAK

Makalah ini bertujuan berkongsi pengalaman dan membincangkan salah satu komponen kemahiran abad ke-21 dalam PdP bagi kursus bahasa Melayu sebagai bahasa asing di UMT, iaitu kemahiran komunikasi (communication skills) bahasa Melayu. Dalam konteks pembelajaran bahasa Melayu sebagai bahasa asing, keperluan elemen 4C sangat signifikan dan boleh dijadikan sebagai kayu ukur untuk menilai kemampuan pelajar asing dalam penguasaan bahasa Melayu. Di UMT, Bahasa Melayu Komunikatif (BMK) telah dijadikan sebagai kursus teras universiti bagi pelajar asing. Selain itu, kursus ini juga turut menjadi pilihan bagi pelajar-pelajar asing yang terdiri daripada pelajar pascasiswazah di bawah program Erasmus Mundus Masters Course in Tropical Biodiversity and Ecosystems (TROPIMUNDO) di UMT yang mempelajari BMK selama satu semester. Kajian ini akan merujuk kepada kursus BMK bagi kedua-dua kelompok pelajar asing, iaitu pelajar daripada kelompok kursus teras dan pelajar TROPIMUNDO. Secara keseluruhannya, dapatan menunjukkan elemen kemahiran komunikatif tidak diterjemahkan dengan baik oleh pelajar melalui aktiviti PdP di dalam bilik kuliah. Oleh itu, kajian ini akan mencadangkan beberapa penambahbaikan yang diperlukan untuk memastikan pelajar menguasai elemen komunikatif terutamanya bagi kursus bahasa Melayu untuk pelajar asing.

Kata Kunci: Kemahiran Abad Ke-21, Pengajaran dan Pembelajaran (PdP), Bahasa Melayu Komunikatif.

ABSTRACT

This paper aims to share experiences and discuss 21st century skills components in teaching and learning for Malay language courses as foreign languages in UMT based on the perspective of instructors. The 4C element contained in the 21st century learning framework is a demand in today's teaching and learning. The elements consist of creativity, critical thinking, communication skills and collaboration. However, this study only refers to communication skills and creativity. In the context of learning Malay as a foreign language, the 4C element requirement is very significant and can be used as a measure for assessing the ability of foreign students in the mastery of Malay language. At UMT, Communicative Malay Language (BMK) has been used as a core university course for foreign students. In addition, this course will also be an option for foreign students comprising postgraduate students under the Erasmus Mundus Masters Course in Tropical Biodiversity and Ecosystems (TROPIMUNDO) program at UMT. They learn Malay Language for one semester. This study will refer to BMK courses for both groups of foreign students, namely students from the core group and TROPIMUNDO students. Overall, the findings show that the elements of communication and creativity are not well translated by students through PdP activities in the classroom. However, from the perspective of the instructor itself there are still many improvements needed to ensure that students master the 4C elements especially for Malay language courses for foreign students.

Keywords: 21st Century Skills, Teaching and Learning, Communicative Malay Language.

*Koresponden: mazlinaahmad@umt.edu.my

PENGENALAN

Pengajaran bahasa merupakan satu bidang yang kompleks dan ‘multidisiplin’ sifatnya, bertujuan mengajar bahasa kepada pelajar-pelajar bagi membolehkan mereka menguasai bahasa tersebut dan juga membolehkan mereka berkomunikasi dengan orang lain. Kini, pengajaran bahasa Melayu kepada pelajar asing berlaku dengan pesat bukan sahaja di institusi pengajian tinggi di Malaysia, bahkan di luar negara juga. Selaras dengan hasrat kementerian, langkah ini dilihat sangat konkrit dan realistik dalam usaha memartabatkan bahasa Melayu sebagai bahasa ilmu di universiti. Tambahan pula, dalam pembelajaran abad ke-21 ini, kepentingan untuk menguasai pelbagai bahasa amat ditekankan dan merupakan satu nilai tambah kepada diri pelajar itu sendiri. Dalam hal ini, tenaga pengajar merupakan tulang belakang yang akan mengasah dan menggerakkan pelbagai kemahiran bahasa yang akan diekspresikan oleh pelajar sama ada di dalam bilik kuliah atau perhubungan dengan masyarakat sekitar. Bagi pelajar asing pula, kemahiran untuk menguasai bahasa Melayu dilihat sebagai salah satu cara untuk mereka mengenali dan berkomunikasi dengan masyarakat dan budaya di Malaysia. Bagi pelajar yang datang dari negara-negara Eropah seperti Perancis, Jerman, dan United Kingdom, bahasa Melayu dilihat sangat asing bagi mereka dan situasi ini menyebabkan mereka lebih berminat untuk mendalami bahasa Melayu. Oleh itu, dalam konteks pengajaran sebagai satu organisasi yang dirancang dan diolah oleh tenaga pengajar untuk menyampaikan pemahaman tentang maklumat atau pengetahuan bahasa Melayu, seorang tenaga pengajar dituntut untuk menggunakan pelbagai strategi bagi memastikan bahasa Melayu tidak lagi menjadi sesuatu yang sangat asing bagi para pelajar. Dengan kecanggihan teknologi, kaedah pengajaran dan pembelajaran menjadi lebih rancak seterusnya mewujudkan suasana pengajaran dan pembelajaran yang lebih kompeten. Dalam usaha memantapkan proses pengajaran bahasa, terlebih dahulu seorang pengajar bahasa harus mengenal pasti setiap isu dan permasalahan yang sering timbul sama ada yang berkaitan dengan bahasa yang diajar, situasi pembelajaran, isu yang berkaitan dengan pihak pelajar ataupun pihak pengajar sendiri.

LATAR BELAKANG KAJIAN

Dalam proses pengajaran bahasa kedua atau bahasa asing, bukanlah satu perkara yang mudah untuk mengajar kepada bukan penutur jatinya. Cara penguasaan bahasa pertama dan kedua adalah berbeza. Penguasaan bahasa pertama adalah melalui pemerolehan, iaitu proses semula jadi yang melibatkan keadaan mental itu berada pada situasi yang tidak sedar dan tidak dirancang seperti cara bayi memperoleh bahasa ibundanya. Manakala bahasa kedua diperolehi dalam bentuk pembelajaran bahasa baharu yang dirancang dengan proses yang sengaja sifatnya. Pengajar akan menggunakan pelbagai kaedah dan teknik yang sesuai dengan situasi pelajar untuk membantu dalam pembelajaran. Semasa seseorang mempelajari bahasa kedua atau bahasa asing, terdapat kesalahan dan kesilapan. Kesalahan dan kesilapan ini berpunca daripada kelemahan pelajar dalam menguasai aspek linguistik yang dipelajari, wujudnya perbezaan sistem bahasa antara bahasa pertama dengan bahasa yang dipelajari juga boleh berlaku disebabkan oleh faktor gangguan dari bahasa ibunda (Juriah, 1994).

Bahasa Melayu Komunikatif merupakan satu-satunya kursus teras untuk pelajar asing bagi pelajar program prasiswazah. Mereka perlu mendaftar kursus BMK pada semester satu dan mendapat sekurang-kurangnya gred C. Bagi pelajar pascasiswazah pula (TROPIMUNDO), tidak ditetapkan prasyarat khusus kerana mereka mendaftar kursus BMK secara pilihan.

Jadual 1 Perbandingan kemasukan pelajar prasiswazah dengan pelajar pascasiswazah (TROPIMUNDO) sesi 2018/2019 di UMT

Prasiswazah		Pascasiswazah (TROPIMUNDO)	
Negara Asal	Jumlah	Negara Asal	Jumlah
sepanyol	1	Bangladesh	2
Hong Kong	1	Maldives	1
Jerman	1	Yaman	1
Perancis	2	Arab Saudi	1
USA	1	Kanada	1
India	1	Indonesia	3
Belgium	6		
Kanada	1		

Pelajar yang mengikuti kursus BMK di UMT ini terdiri daripada pelajar yang berbeza latar belakang serta berasal dari pelbagai negara dan baru pertama kali mempelajarinya di UMT. Selain itu, pelajar juga datang daripada pelbagai fakulti yang berbeza. Dalam pembelajaran bahasa Melayu, aspek komunikasi menjadi perkara utama yang ditekankan oleh para pelajar. Bagi mereka, kebolehan berkomunikasi sudah cukup untuk membawa mereka mengenali sesuatu bahasa itu. Bermula dengan kemahiran komunikasi, maka secara tidak langsung, kemahiran-kemahiran lain akan turut berkembang. Namun demikian, terdapat banyak faktor untuk memastikan perkembangan tersebut, seperti persekitaran, sikap, motivasi, dan PdP.

PENYATAAN MASALAH

Kajian melihat kepada isu kemahiran pertuturan bahasa Melayu dalam kalangan pelajar asing di UMT. Pengkaji mendapati terdapat kumpulan aktiviti yang memerlukan seseorang itu menggunakan bahasa. Aspek komunikasi bagi setiap individu berbeza dengan individu yang lain berdasarkan perbezaan persekitaran, situasi kehidupan, ciri individu, kefasihan berbahasa sebagai alat komunikasi, kadar masa komunikasi, dan faktor-faktor perbezaan lain dalam bidang komunikasi bahasa (Ta'imah, 1989:17). Secara umum, aspek komunikasi itu berkisar dalam konteks yang antara lainnya bertujuan untuk membentuk hubungan sosial, memberi respon terhadap sesuatu perkara, menyembunyikan niat dan perasaan, meminta dan memberi maklumat, mengajar melakukan sesuatu, perbualan melalui telefon, menyelesaikan masalah, membincang sesuatu idea, permainan bahasa, memainkan peranan kemasyarakatan, menggembarakan perasaan orang lain dan lain-lain lagi (River dan Temperley, 1978:47).

Berdasarkan sorotan kajian, terdapat jurang penyelidikan yang perlu diberikan tumpuan iaitu kemahiran bertutur dalam bahasa Melayu. Kemahiran ini merupakan kemahiran yang paling sukar dikuasai kerana berlaku secara spontan dan paling rumit untuk diuji. Namun kemahiran ini perlu diuji kerana kemampuan berbahasa Melayu dalam kalangan penutur bukan natif mulai luntur disebabkan oleh bahasa Inggeris di Malaysia. Boleh dikatakan mereka langsung tidak mahu bertutur menggunakan bahasa Melayu dalam kehidupan harian. Hal ini akan menyebabkan prestasi akademik bahasa Melayu juga akan merosot pada masa akan datang jika langkah meningkatkan penguasaan kemahiran bertutur tidak diambil dengan segera.

Pada masa kini, pengajaran bahasa Melayu menghadapi cabaran yang sengit dalam abad ke-21 ini, terutamanya dalam PdP kemahiran pertuturan lisan atau komunikatif. Masyarakat abad ke-21 merupakan masyarakat yang berorientasikan sains dan teknologi serta menggunakan prasarana teknologi maklumat terkini dalam kehidupan seharian (Juriah, Khalid, Raja Mohd Fauzi, Siti Fatimah, Nik Mohd Rahimi, Zamri & Zarin 2001). Teknologi telah menghadkan

kemahiran pertuturan lisan dalam kalangan pelajar asing. Mereka lebih gemar menggunakan medium komunikasi secara tidak bersemuka bersama tenaga pengajar. Segala masalah dan keperluan ketika proses PdP dapat diselesaikan oleh pelajar hanya jika mereka menggunakan internet sebagai sumber rujukan utama. Hal ini menyebabkan pelajar tidak dapat menguasai pelbagai kemahiran abad ke-21 terutamanya kemahiran bertutur dalam bahasa Melayu seterusnya menjejaskan proses komunikasi dalam PdP.

Selain itu, menurut Kamarudin (1999), kepentingan lisan dalam pengajaran dan pembelajaran bahasa amat disedari oleh semua pihak. Namun demikian, kemahiran bertutur merupakan bahagian yang paling kerap diabaikan berbanding dengan kemahiran-kemahiran yang lain walaupun kemahiran bertutur merupakan unsur komunikasi tertua, terpenting dan paling kerap digunakan. Bailey (2005) menyatakan ramai yang mempelajari sesuatu bahasa merasakan kemahiran bertutur dalam bahasa yang dipelajari mereka lebih sukar berbanding kemahiran-kemahiran lain. Kesulitan ini disebabkan pertuturan berlaku dalam masa yang sebenar. Semasa bertutur, seseorang tidak boleh menyunting atau mengulang balik apa-apa yang dituturkannya (Zawawi, Ab Halim, Nik Mohd Rahimi & Mohd Ala-Uddin, 2011). Manakala Brown (2001), menyifatkan kemahiran bertutur sebagai tanda aras kejayaan penguasaan sesuatu bahasa. Oleh itu, masalah yang dihadapi oleh para pelajar asing dalam kemahiran ini perlu diamati dan didalami supaya kemahiran bertutur yang menjadi kemahiran utama dalam interaksi antara manusia ini dapat ditangani segera.

Selain itu juga, pengaruh bahasa ibunda seringkali menjadi faktor kepada kegagalan dalam penguasaan bahasa kedua. Penguasaan Bahasa Melayu sebagai bahasa kedua sangat memberi kesan terhadap kemahiran pertuturan dalam kalangan masyarakat setempat. Menurut Roasharimah (2017), penguasaan bahasa kedua akan terhalang jika setiap gangguan tidak diatasi dengan baik. Kekangan dalam menguasai Bahasa Melayu sebagai bahasa kedua telah menjejaskan tahap pencapaian komunikasi pelajar dalam pelajaran. Hal ini disokong oleh Mohamad Yazid (2016) yang menyatakan pengaruh bahasa ibunda mengakibatkan prestasi pertuturan pelajar akan terjejas.

OBJEKTIF

Kajian ini bertujuan untuk mengenal pasti tahap kemahiran pertuturan bahasa Melayu dalam kalangan pelajar asing yang mengambil kursus bahasa Melayu Komunikatif (BMK) di Universiti Malaysia Terengganu (UMT). Bagi pelajar yang menyertai program TROPIMUNDO, mereka terdiri daripada pelajar-pelajar pascasiswazah dari negara-negara Arab dan negara-negara Eropah yang mengambil BMK secara elektif, manakala pelajar-pelajar prasiswazah mengambil kursus ini sebagai kursus teras. Rata-rata mereka datang dari Bangladesh dan sudah menetap di Malaysia melebihi satu tahun sebelum melanjutkan pengajian di UMT. Justeru, boleh diandaikan kelompok pelajar tersebut sudah dapat berkomunikasi secara asas berbanding kelompok pelajar TROPIMUNDO. Kajian ini dijalankan secara kualitatif dengan memfokuskan pengalaman dan pendapat responden secara individu.

METODOLOGI

Kajian ini menggunakan kaedah pengumpulan data secara kuantitatif dengan reka bentuk tinjauan hirisan rentas (*cross-sectional survey*) (Noraini 2013; Fraenkel dan Wallen, 2007). Dapatan kajian dibentangkan menggunakan statistik deskriptif. Data diproses menggunakan IBMSPSS Versi 23. Sebanyak 23 orang responden telah menduduki Ujian Bertutur UPBM_SR untuk menentukan tahap Penguasaan bahasa Melayu responden. Data dipungut sekali sahaja daripada sampel pada suatu masa (Creswell 2008). Kaedah rentasan dipilih untuk membolehkan data dikumpul secara terus daripada subjek kajian (Creswell 2008). Reka bentuk ini dipilih

kerana mengambil kira pandangan McMillan dan Schumacher (2010) yang mengatakan kajian secara rentasan sangat popular dalam bidang pendidikan kerana:

- i. Kepelbagaian kegunaan, iaitu kebolehan untuk menyiasat hampir kesemua permasalahan dan persoalan.
- ii. Penguasaan, iaitu data daripada pelbagai pemboleh ubah boleh digabungkan tanpa meningkatkan kos dan penggunaan masa. Pemungutan data dapat dilakukan dalam masa yang singkat.

PENSAMPELAN KAJIAN

Responden dalam kajian ini adalah daripada pelajar bukan penutur natif bahasa Melayu yang mengambil kursus BMK. Jumlah keseluruhan sampel kajian adalah seramai 23 orang yang berumur dalam lingkungan 19 hingga 30 tahun. Sampel diperoleh dengan memilih strata daripada populasi berdasarkan persampelan rawak sistematik.

INSTRUMEN KAJIAN

Dalam usaha memperoleh data, Ujian Bertutur BMK dibangunkan. Pembangunan Ujian Bertutur BMK bersumberkan rujukan yang berintegriti daripada KPM. Ujian Bertutur BMK dilaksanakan bertujuan untuk mengenal pasti tahap kefasihan bertutur pelajar asing. Pelajar diharapkan dapat menyampaikan maklumat dengan sebutan, intonasi, menggunakan ayat yang gramatis dan bermakna semasa berkomunikasi dalam pelbagai situasi. Ujian ini mengandungi dua pusingan, iaitu pusingan 1 (sesi memperkenalkan diri dan pandangan individu) dan pusingan 2 (Perbincangan kumpulan). Ujian Bertutur dijalankan dalam tempoh 10 hingga 15 minit. Markah yang diperuntukan bagi ujian ini ialah 100 markah berdasarkan skema jawapan dan peraturan pemarkahan.

DAPATAN KAJIAN

Skor Markah Ujian Bertutur BMK yang diperoleh responden diperingkatkan menggunakan Tahap Skor BMK bagi penentuan tahap. Tahap 1 merupakan tahap terendah, manakala tahap 8 merupakan tahap paling tinggi. Keseluruhan dapatan digambarkan melalui Jadual 1 di bawah.

Jadual 1 Taburan tahap kefasihan kemahiran bertutur responden

Bil.	Tahap	Bilangan Responden (<i>n</i>)	Peratusan (%)
1	Sangat Terbatas	14	61.0
2	Terbatas	2	8.7
3	Sangat Terhad	1	4.3
4	Sederhana Fasih	1	4.3
5	Hampir Fasih	1	4.3
6	Fasih	4	17.4
7	Lebih Fasih	0	0.0
8	Paling Fasih	0	0.0
Jumlah		23	100.0

Sebanyak 74% responden masih kurang fasih dalam kemahiran bertutur bahasa Melayu bagi kursus BMK di UMT. Kebanyakan responden memperoleh Tahap 1 sahaja. Purata skor markah yang diperoleh pada tahap ini antara 55 ke bawah hingga 79. Penutur hanya menunjukkan kefasihan bertutur yang sangat terhad dan terbatas. Penutur hanya boleh menuturkan perkataan lazim yang digunakan dalam keadaan tidak lancar. Keseluruhan pengucapan kurang petah, kurang fasih dan kurang lancar. Kebanyakan pengucapan tidak mencapai maksud, kurang tepat dan kurang bertatasusila. Terdapat juga penutur yang langsung tidak memberikan respons terhadap ujian.

Responden yang mendapat tahap sederhana sebanyak 8.6% sahaja. Seramai 2 orang mendapat tahap 4 dan 5. Masih terdapat banyak kesalahan dari segi sebutan dan intonasi. Berlaku juga pengucapan yang tidak mencapai maksud. Keseluruhan pengucapan juga masih kurang petah, kurang fasih, dan kurang lancar serta responden tidak memahami kehendak soalan.

Sebanyak 17.4% responden mencapai tahap fasih dalam Ujian Bertutur BMK yang telah dijalankan. Hanya 4 orang responden yang berjaya mendapat purata skor markah antara 85 hingga 89. Pada tahap ini, penutur dapat menunjukkan kefasihan bertutur yang tinggi dalam pelbagai situasi. Penutur berkebolehan menyampaikan maklumat dengan sebutan, intonasi, penggunaan bahasa yang gramatis, dan bermakna semasa berkomunikasi. Keseluruhan pengucapan petah, fasih dan lancar serta bertatasusila. Walau bagaimanapun tiada responden yang berjaya mendapat tahap paling fasih (Tahap 8) dalam kajian ini. Tiada responden yang berjaya memperoleh pengucapan yang lancar dan bertatasusila.

Jelasnya, tahap penguasaan kemahiran bertutur bahasa Melayu bagi pelajar asing masih pada tahap kurang fasih. Penguasaan kosa kata yang sangat terbatas dan responden tidak dapat menyokong idea dengan penjelasan lanjut menyebabkan kegagalan mereka menterjemahkan kemahiran pertuturan.

PERBINCANGAN

Kajian yang dijalankan ini telah memberikan gambaran yang jelas tentang tahap penguasaan kemahiran bertutur pelajar asing yang mengambil kursus BMK di UMT.

TAHAP KEMAHIRAN BERTUTUR

Berdasarkan dapatan kajian, didapati bahawa pelajar asing di UMT tidak bertutur menggunakan bahasa Melayu dalam kehidupan. Walaupun tinggal dalam persekitaran dan budaya yang mengamalkan cara hidup Melayu dan berbahasa Melayu, namun demikian mereka lebih selesa menggunakan bahasa yang sudah difahami oleh mereka bagi memudahkan komunikasi. Tambahan pula, persekitaran masyarakat Malaysia yang gemar berbahasa Inggeris telah mengehadkan lagi penggunaan BM dalam kalangan pelajar asing. Semasa berada di asrama atau di rumah, mereka akan menggunakan bahasa ibunda atau bahasa Inggeris untuk berkomunikasi. Oleh yang demikian, apabila kurang bertutur menggunakan bahasa tersebut, mereka kekurangan kosa kata dan menghadapi masalah dari segi sebutan.

Selain itu, alat artikulasi mereka sudah biasa dan terlatih menyebut bunyi dalam bahasa ibunda dan bahasa Inggeris. Keadaan ini menyebabkan mereka mengalami gangguan bawaan daripada bahasa Inggeris dan bahasa ibunda. Kajian selari dengan dapatan Awang Sariyan (2011) terhadap pelajar Cina dari universiti di negara China. Disebabkan pengaruh bahasa ibunda yang kuat, pelajar mengalami masalah dari segi sebutan dan tatabahasa semasa bertutur kerana terdapat perbezaan yang ketara antara bahasa Melayu dengan bahasa Cina. Rata-rata pelajar yang mengambil kursus BMK, terdiri daripada mereka yang berasal dari pelbagai negara. Bagi negara-

negara Arab, pengaruh bahasa Arab sangat besar dan terdapat pelajar kurang bermasalah untuk memahami sesuatu kosa kata BM kerana kosa kata tersebut dipinjam dari bahasa Arab. Jika dibandingkan dengan kedua-dua bahasa yakni bahasa Arab dan bahasa Inggeris, bahasa Arab lebih banyak mempengaruhi fonologi bahasa Melayu disebabkan oleh pengaruh Arab yang memperkenalkan agama Islam yang menuntut penggunaanya membaca al-Quran. Secara tidak langsung penggunaanya turut mempelajari bunyi-bunyi bahasa Arab. Pengaruh Arab telahpun bermula di Kepulauan Melayu sejak abad ke-14, maka tidak hairanlah bahasa Arab menguasai masyarakat di Kepulauan Melayu. Antara kosa kata yang mudah difahami oleh para pelajar negara Arab ialah *sabar, ilmu, kitab, syarat, hadir, fikir, batal, zalim, dunia, daftar*, dan sebagainya. Pandangan Zdorenko dan Paradis (2008) yang mengatakan bahawa pengaruh bahasa ibunda akan menimbulkan pelbagai gangguan dari segi ejaan, sebutan dan penggunaan perkataan dalam penulisan dan bacaan teks bahasa kedua dapat diatasi dengan iltizam tenaga pendidik. Jika guru dapat membetulkan kesalahan bahasa yang dilakukan oleh murid maka masalah ini dapat diatasi pada peringkat awal kerana gangguan ini bersifat sementara dan biasanya berlaku pada peringkat awal. Murid akan melalui aktiviti pengukuhan dan peneguhan sama ada secara langsung atau tidak langsung apabila perkataan-perkataan ini menjadi satu kebiasaan dalam pertuturan seharian.

Gangguan bahasa (*language disturbances*) yang dialami oleh pelajar menyebabkan tahap kemahiran bertutur tetap berada pada tahap yang kurang profesien. Permasalahan yang dialami oleh pelajar bukan penutur natif selari dengan dapatan kajian (Suthanthivadevi 2003; Norehan 2009; Chew Fong Peng 2016). Kebanyakan pelajar juga didapati mengambil langkah dengan menghafal dahulu ayat atau tema sebelum menduduki Ujian Bertutur. Keadaan ini menyebabkan penutur hanya menunjukkan kefasihan bertutur yang terhad dan terbatas. Penutur hanya boleh menuturkan perkataan lazim dalam keadaan tidak lancar. Dapatan ini disokong oleh Krashen (1981) dalam Hipotesis Monitor. *Organizer* yang bekerja secara bawah sedar akan beransur-ansur membina sistem peraturan bahasa yang baharu dengan cara khusus. Pelajar akan menggunakan peraturan tersebut untuk menentukan ayat yang tidak dipelajarinya melalui hafalan. *Monitor* pula berfungsi untuk memproses maklumat secara sedar.

Dalam Ujian Bertutur BMK yang dijalankan, hampir kesemua responden menggunakan ayat yang dihafal. Ayat yang digunakan tidak mempunyai korehen dengan tema atau tajuk perbualan. Hasil kajian didapati sama dengan kajian Punitha *et al.* (2017) terhadap pelajar bangsa asing dewasa yang cenderung menghafal kosa kata dan mengamalkan terjemahan langsung daripada bahasa jati masing-masing untuk melancarkan perbualan dalam BM. Kesalahan dalam penggunaan kata pula mencakupi kesalahan ejaan dan penggunaan huruf tertentu menyebabkan sebutan menjadi kurang baku. Kekeliruan dalam ejaan turut mempengaruhi pertuturan dalam kalangan pelajar asing.

Hanya 17.4% pelajar BMK yang mencapai Tahap 6 dan Tahap 7 dalam Ujian Bertutur BMK. Pelajar dikategorikan mencapai tahap Fasih bertutur dalam bahasa Melayu. Analisis dapatan menunjukkan pelajar dari Indonesia lebih menguasai kemahiran bertutur. Mereka sangat cemerlang dalam menyampaikan maklumat dengan sebutan, intonasi, menggunakan ayat yang gramatis. Keseluruhan pengucapan petah, fasih, lancar dan bertatasusila. Hal ini disebabkan oleh perkongsian bahasa dan budaya antara Malaysia dan Indonesia. Dari segi sejarah, Bahasa Indonesia (BI) dan bahasa Malaysia adalah dua dialek dari BM yang memiliki persamaan dan perbezaan bentuk bahasa. Perbezaan bentuk dan makna antara BI dan BM disebabkan oleh keadaan geografik dan perkembangan peradaban yang mempengaruhi penyatuan bahasa antara Malaysia dan Indonesia. BI dan BM adalah dua bahasa yang pastinya mempunyai persamaan dan perbezaan dalam kosa kata masing-masing. Namun, yang paling penting adalah semua bahasa yang ada di daratan Asia Selatan dan Asia Tenggara memiliki hubungan asal bahasa yang sama, iaitu Austronesia (Muljana 1992:115). Disebabkan asal usul dua bahasa ini, maka secara logiknyanya para pelajar dari Indonesia sememangnya tidak menghadapi masalah untuk memahami BM.

Selain itu, dapatan kajian juga menunjukkan para pelajar banyak menggunakan strategi komunikasi terjemahan literal dari bahasa ibunda ke BM. Para pelajar juga turut menggunakan bahasa basahan dan dialek bagi menyampaikan maksud. Mereka juga sering menambah partikel 'lah atau la' semasa bertutur. Bahasa basahan yang banyak digunakan adalah seperti 'macam tu, macam ni, itu je' dan sebagainya.

FAKTOR KEKANGAN PERTUTURAN

Berdasarkan pemerhatian yang dijalankan, didapati bahawa para pelajar menghadapi masalah dalam pertuturan bahasa Melayu disebabkan oleh faktor kekurangan pengetahuan kosa kata. Hal ini menyebabkan pelajar tidak dapat bertutur dengan lancar. Namun demikian, faktor persekitaran sosial seperti rakan sebaya, keluarga, persekitaran, motivasi dan sikap turut mempengaruhi kemahiran pertuturan Bahasa Melayu sebagai bahasa kedua dalam kalangan pelajar asing. Menurut Gardner (1985) beliau melihat beberapa faktor sosial amat berkait rapat dengan pembelajaran bahasa kedua. Dalam model tersebut, sikap dan orientasi, motivasi dan kecenderungan menunjukkan kesan secara langsung terhadap kecekapan bahasa oleh pelajar.

FAKTOR PERSEKITARAN

Hasil daripada penganalisan dan perbincangan dapatan kajian menunjukkan faktor pembelajaran pensyarah mempengaruhi pembelajaran menggunakan bahasa Melayu. Terdapat unsur-unsur galakan dan mendapat perhatian pelajar semasa pengajaran dan pembelajaran. Pengajaran yang baik bermakna pensyarah menyampaikan pengetahuan dengan berkesan. Satu unsur umum dalam kategori ini terdapat pelajar mengharap supaya pengajaran membawa perubahan-perubahan positif dalam diri mereka, khususnya mendalami penggunaan bahasa Melayu. Perubahan-perubahan lain adalah perubahan tingkah laku dan pengetahuan. Unsur-unsur pengajaran yang baik adalah diarahkan kepada perubahan, terutama dalam pemahaman pengetahuan yang disampaikan di dalam kelas. Pelajar melihat guru sebagai sumber pengetahuan dan mereka mengharap pensyarah untuk menyediakan bahan kursus. Pensyarah mempunyai peranan yang aktif dalam pengajaran kerana ia memutuskan tentang perancangan dan penyediaan bahan pengajaran. Pensyarah juga diharap dapat menyampaikan isi pelajaran bersesuaian dengan kebolehan pelajar. Dapatan ini menunjukkan pensyarah melakukan kebanyakan daripada tugas pembelajaran seperti memudahkan isi pelajaran bagi pelajar memahaminya. Sikap pelajar itu sendiri menentukan faktor yang tidak kurang pentingnya terhadap penggunaan pembelajaran menggunakan bahasa Melayu. Pelajar pada dasarnya mengetahui tentang perubahan-perubahan yang bersifat global, dan perlu meningkatkan kemahiran berbahasa Melayu.

Sikap pelajar yang mendapat pengalaman dari membaca surat khabar, novel dan menonton filem-filem dari televisyen membantu pelajar untuk memahami penguasaan bahasa Melayu. Untuk membentuk sikap pelajar yang cemerlang, minat terhadap bahasa Melayu perlu diubah, yakni meminatinya untuk memberi sesuatu kekuatan yang mendorong untuk melaksanakan dan berusaha agar ianya berlaku tanpa sebarang paksaan.

Peranan rakan sebaya berperanan untuk mempengaruhi pelajar untuk menggunakan bahasa Melayu dalam pembelajaran mereka. Walaupun peranan guru penting, peranan rakan sebaya sebagai pengukuh dan penyokong nilai-nilai yang disampaikan oleh mereka adalah sangat penting. Namun, perbezaan perlakuan antara mereka menyebabkan kemahiran berkomunikasi menggunakan bahasa Melayu kurang berjaya. Pelajar masih lagi menghadapi masalah berkomunikasi dengan rakan sebaya. Kemahiran berkomunikasi memainkan peranan yang sangat penting untuk mewujudkan hubungan yang mesra, menyatakan idea-idea dan secara tidak langsung akan memudahkan permasalahan diri dikemukakan. Namun masalah ini timbul antara

mereka apabila penggunaan bahasa Inggeris digunakan. Komunikasi yang baik merangkumi penggunaan bahasa yang jelas dan mudah difahami, intonasi suara yang menarik dan pergerakan badan “boddy Language” boleh mempengaruhi suasana perbincangan berjalan dengan lancar. Peranan untuk mendapat dan menerima galakan dari rakan sebaya inilah perlu diperolehi oleh pelajar. Keadaan ini perlu diwujudkan agar pelajar dapat bertutur dengan lancar menggunakan bahasa Melayu, seterusnya memudahkan mereka untuk menggunakan dan mengaplikasikan kebiasaan ini semasa pembelajaran menggunakan bahasa Melayu. Latar belakang adalah pendorong kepada penguasaan pelajar dalam bahasa Melayu. Namun demikian kajian yang dijalankan menunjukkan faktor latar belakang pelajar bukan lagi penentu utama dalam mempengaruhi pembelajaran menggunakan bahasa Melayu.

KEKANGAN MASA

Faktor seterusnya yang menjadi kekangan kepada pelajar asing ini untuk bertutur dalam bahasa Melayu ialah faktor kekangan masa. Peruntukan masa atau waktu pengajaran dan pembelajaran (PdP) yang telah ditetapkan oleh sesuatu program di universiti merupakan faktor yang menghalang pelajar asing untuk bertutur dalam BM. Masa pengajaran BM di universiti dikatakan terlalu singkat iaitu hanya satu semester. Dapatan ini menyokong dapatan kajian yang dilakukan oleh Fai'zah, Mohamed Amin dan Zamri (2009) yang turut berpendapat bahawa masa yang singkat itu menyebabkan pelajar menghadapi masalah dan lemah dalam menguasai kemahiran berbahasa. Dapatan juga menunjukkan bahawa pelajar asing yang belajar BM di universiti yang terpilih, menghadapi kekangan dari segi latihan. Pelajar ini dikatakan tiada tempat untuk membuat latihan pertuturan. Pelajar ini bergaul dalam kalangan penutur yang tidak menggunakan BM sepenuhnya. Justeru, mereka hanya menggunakan BM semasa di dalam kelas sahaja tanpa melakukan latihan di luar. Oleh itu, tenaga pengajar perlu menghidupkan suasana penggunaan bahasa dalam keadaan buatan (Asmah 2003 dalam Atiah & Ramlah 2003). Dalam keadaan ini, program di universiti harus diatur seperti mengadakan aktiviti inap desa, lawatan, keluarga angkat dan sebagainya untuk menggalakkan dan melatih mereka bertutur dalam BM.

PENGUNAAN BAHASA INGGERIS (BI)

Aktiviti PdP Bahasa Melayu dapat disampaikan melalui BI jika terdapat persamaan dengan BM. Dalam konteks kajian ini, persamaan yang ketara dalam kedua-dua bahasa dari segi bunyi, ejaan dan maksud perkataan memudahkan pelajar memahami keseluruhan kehendak soalan. Maka aktiviti pengajaran dan pembelajaran Bahasa Melayu dengan menggunakan BI adalah wajar dalam keadaan tertentu. Tenaga pengajar juga boleh menggunakan BI apabila pelajar menghadapi kesukaran untuk memahami perkataan atau ayat. Dalam hal ini, tenaga pengajar perlu memainkan peranan penting agar pelajar tidak keliru untuk menentukan persamaan dan perbezaan yang wujud apabila pendedahan yang melibatkan kedua-dua bahasa ini dilakukan. Penggunaan BI secara sewenang-wenangnya akan pasti membantutkan usaha menguasai BM dalam kalangan pelajar asing. Justeru, tenaga pengajar perlulah berhati-hati agar aktiviti pengajaran dan pembelajaran tidak dilakukan sepenuhnya dalam BI.

CADANGAN KAJIAN

Berdasarkan dapatan kajian, didapati tahap penguasaan kemahiran bertutur BM dalam kalangan pelajar asing di UMT tidak memuaskan. Pihak yang terlibat perlu mengambil langkah segera untuk meningkatkan profisiensi bertutur BM di peringkat pendidikan tinggi. Pelajar perlu didedahkan dengan kemahiran bertutur secara tidak formal dalam kehidupan seharian. Amalan menghafal kosa kata dan melakukan terjemahan langsung daripada bahasa jati masing-masing perlu ditukar. Mereka juga perlu dibiasakan dengan bertutur menggunakan BM secara informal

di universiti mahupun di asrama kerana bahasa asing dikuasai melalui peniruan dan ajukan terhadap penutur natifnya seperti guru, kawan, ibu bapa dan jiran. Mereka juga perlu didedahkan dengan aktiviti pertuturan yang bersahaja melalui perbualan dengan jiran, permainan, aktiviti kemasyarakatan dan tidak lagi dipimpin mengikut kehendak guru bahasa yang biasa dilakukan di dalam kelas.

Persekitaran bahasa hendaklah dibentuk dan dicipta menggunakan pelbagai aktiviti yang melibatkan BM. Pelajar juga harus digalakkan berusaha sendiri untuk menguasai kemahiran berkomunikasi menggunakan bahasa Melayu. Keupayaan pelajar mencapai keputusan cemerlang dalam kemahiran bertutur dipengaruhi oleh strategi yang digunakan oleh mereka. Pelajar perlu digalakkan oleh guru melibatkan diri dengan interaksi secara langsung di dunia sebenar menerusi aktiviti seharian, berinteraksi dengan pekerja natif di universiti seperti kerani, pengawal keselamatan, pekerja kantin, dan menggalakkan pelajar bertutur menggunakan bahasa Melayu di luar kelas. Penguasaan ilmu bahasa tambahan seperti pengetahuan budaya penutur asli memudahkan interaksi secara aktif. Melalui aktiviti yang berpusatkan pelajar sendiri secara langsung dapat meningkatkan kosa kata untuk berkomunikasi dalam masyarakat yang multietnik di Malaysia.

Usaha untuk meningkatkan kemahiran bertutur dalam BM paling berkesan jika pelajar mempraktikkannya dalam kehidupan setiap hari. Interaksi aktif secara tidak langsung dengan dunia luar amat menggalakkan sesi pertuturan dan merangsang proses pencapaian yang tinggi dalam kemahiran bertutur. Setiap hari perbendaharaan kata dapat ditambah dalam situasi yang berbeza. Pelajar dapat menguasai perkataan atau ayat baharu, menyemarakkan semangat dan minat untuk bertutur menggunakan bahasa Melayu kerana kosa kata merupakan aset penting dalam penguasaan sesuatu bahasa. Pelajar perlu didedahkan dengan teknik penguasaan kosa kata yang pelbagai supaya mereka mampu mengumpul seberapa banyak kosa kata. Begitu juga pelajar perlu didedahkan dengan gaya bahasa berkomunikasi secara berkesan dalam pelbagai konteks sebelum dikatakan cekap dan mahir berbahasa.

Jelasnya, dalam usaha untuk meningkatkan penguasaan berbahasa Melayu dalam kalangan pelajar asing, mereka amat memerlukan rangsangan yang kuat untuk meningkatkan peluasan perbendaharaan kata bagi mencapai tahap profesion semasa bertutur.

KESIMPULAN

Berdasarkan perbincangan di atas, dapat dilihat kepentingan penguasaan kemahiran berkomunikasi dalam kalangan pelajar asing. Walaupun populasi tidak menyeluruh, namun hasil kajian yang dijalankan secara empirikal ini dapat mengukuhkan fenomena yang berlaku di Malaysia. Dapatan kajian ini juga dapat membantu penyelidik memahami situasi sebenar yang dialami oleh pelajar asing di UMT. Tahap penguasaan kemahiran bertutur pelajar asing masih kurang lancar. Pelajar bukan sahaja perlu mempraktikkan bahasa Melayu dalam perbualan harian tetapi semua pihak perlu memberikan rangsangan yang kuat untuk mereka menguasai bahasa kebangsaan di UMT. Para pendidik, pihak universiti dan kementerian perlu melipatgandakan usaha bagi memastikan setiap pelajar profesion dalam bertutur menggunakan bahasa Melayu. Jelasnya, pengujian terhadap penguasaan bertutur perlu diperluas kepada populasi yang lebih menyeluruh bagi mendapatkan data yang lebih rinci. Usaha membangunkan instrumen seumpama BMK sewajarnya diberikan perhatian dan sokongan agar kebolehan dan penguasaan berbahasa Melayu bagi warga asing dapat ditingkatkan. Pengujian berterusan harus dilakukan untuk menyedarkan warga yang tinggal di Malaysia terhadap penggunaan bahasa Melayu yang berkualiti agar setanding dengan bahasa lain di dunia seperti TOEFL, IELTS bagi bahasa Inggeris, TEF bagi bahasa Perancis, JLPT bagi bahasa Jepun, KPE bagi bahasa Korea dan UKBI bagi bahasa Indonesia.

RUJUKAN

- Ab. Halim Ismail. 2005. pengajaran bahasa arab melalui kaedah komunikatif. Dlm. Hassan Basri Awang Mat Dahan, Zawawi Ismail & Muhammad Azhar Zailani. (pnyt.). Pendidikan Islam dan bahasa Arab: Perspektif Pengajian Tinggi, hlm. 137-162. Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya.
- Abdul Aziz Abdul Talib. 2000. *Menguji kemahiran bahasa: Prinsip, teknik dan contoh*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Abdul Rahman Abdullah. 2009. Kompetensi komunikatif dan strategi komunikasi bahasa Arab di kalangan pelajar sekolah menengah kebangsaan agama di negeri Selangor. Tesis Doktor Falsafah. Fakulti Pendidikan, Universiti Malaya.
- Abdullah Hassan. 1987. *Isu-isu pembelajaran dan pengajaran bahasa Melayu*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Ainol Madziah Zubairi & Isarji Hj Sarudin. 2009. Motivation to learn a foreign Language in Malaysia, GEMA Online Journal of Language Studies 9(2):73-87.
- Asmah Hj. Omar. 1987. *Bahasa Malaysia saintifik*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Asmah Haji Omar. (2004). Languages of Sarawak. In *The encyclopedia of Malaysia*, 9: 30-31. Kuala Lumpur: Archipelago Press.
- Awang Sariyan. 2011. Pendidikan bahasa Melayu dalam pembentukan jati diri bangsa: Pengajaran seni bahasa untuk penghayatan bahasa kepada pelajar asing. Kertas kerja dibentangkan di Seminar Bahasa Melayu 2011. Anjuran Persatuan Pendidikan Bahasa Melayu Malaysia, Jabatan Pendidikan Negeri Terengganu dan Dewan Bahasa dan Pustaka Wilayah Timur pada 14-16 Mac 2011.
- Azhar bin Muhamad, Ab. Hafiz Abdullah & Sulaiman Shakib Mohd Noor. 2004. Masalah pembelajaran penterjemahan teks bahasa Arab kepada Bahasa Melayu di kalangan pelajar Melayu. Prosiding Program Seminar Kebangsaan Pengajaran Bahasa. Universiti Malaysia Sabah, Kota Kinabalu, 8-9 Oktober, 2004.
- Azizi Ahmad & Mohd Isha Awang. 2008. *Pengukuran dan penilaian pendidikan*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Chew Fong Peng. 2016. Masalah Pembelajaran Bahasa Melayu Dalam Kalangan Murid Cina Sekolah Rendah. *Jurnal Pendidikan Bahasa Melayu*, 6 (2): 10-22.
- Creswell, J.W. 2008. *Research design: Quantitative, and mixed methods approaches*. London: Sage Publications.
- Fadzilah Abd Rahman, Norazlina Mohd Kiram, Habibah Ab Jalil, Rusnani Jusoh, Hazri Jamil & Nordin Abd Razak. (2013). Pembangunan Ujian Kecekapan Bahasa Melayu. *Projek Penyelidikan E-Science MOSTI 2011-2013*.
- Kementerian Pengajian Tinggi Malaysia.
- Fadzilah Abd Rahman & Norazlina Mohd Kiram. 2015. Bahasa Melayu sebagai bahasa negara bangsa: Kepentingan melaksanakan ujian kecekapan bahasa Melayu. *Jurnal Mahawangsa*, 2(1): 15-28.
- Fadzilah Abd Rahman, Zuraini Jusoh & Norazlina Mohd Kiram. (2016). Kesesuaian item kemahiran mendengar Ujian Kecekapan Bahasa Melayu (UKBM©). International Conference on Education and Regional Development 2016 (ICERD 2016). CrossCultural Education for Sustainable Regional Development Bandung, Indonesia. 31 Oktober dan 1 November 2016.
- Fa'izah Abd Manan, Zamri Mahamod & Mohamed Amin. (2009). Penyelidikan Strategi Pembelajaran bahasa Melayu Sebagai bahasa asing dalam kalangan pelajar luar negara. *Prosiding Seminar Pendidikan Serantau Ke-4, UKM-UNRI*, 259-268. Bangi: Penerbitan Fakulti Pendidikan, Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Fraenkel, J.R. & Wallen, N.E. 2007. *How to design and evaluate research in education*. New York: McGraw-Hill.
- Ilangko Subramaniam, Tahap Penguasaan Kemahiran Bertutur Bahasa Melayu Dalam Kalangan Murid Bukan Penutur Natif, *Jurnal Pendidikan Bahasa Melayu-JPBM (Malay Language Education Journal – MyLEJ)*, Vol. 8, Bil. 1 (Mei 2018): 74-83

- Jeyagobi Dhamodarem. 2011. Gaya pembelajaran bahasa Melayu dalam kalangan pelajar India. Tesis Doktor Falsafah. Fakulti Pengajian Pendidikan, Universiti Putra Malaysia.
- Jerie Peter Langan & Zamri Mahamod, (2011). Sikap dan motivasi murid Iban dalam mempelajari Bahasa Melayu sebagai bahasa kedua. *Jurnal Pendidikan Bahasa Melayu*, 1 (1): 13-25.
- Khairul Nizam Mohamed Zuki. 2017. Penerimaan bahasa Melayu sebagai bahasa kedua dalam kalangan murid berbangsa Bajau. *International Journal of Humanities and Social Science Invention*, 6 (10): 1-11.
- Krashen, S.D. 1994. The input hypothesis and its rivals. In N. Ellis (Eds.). *Implicit and explicit learning of languages*, 10-22. London: Academic Press.
- Krashen, S.D. 1981. *Principles and practice in second language acquisition*. London: Printice-Hall International.
- Krashen, S.D. 2007. *second language acquisition: Theory, applications, and some conjectures*. New York: Cambridge University Press.
- Krashen, S. (1981). *Second language acquisition and second language learning*. New York: Pergamon.
- McMillan, J.H. & Schumacher, S. 2010). *Research in education: Evidence-based inquiry*. Boston: Pearson.
- Mahzan Arshad. 2016. *Prinsip dan amalan dalam pengajaran literasi bahasa Melayu*. Kuala Lumpur : Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Mohd Ridhuan Tee Abdullah. 2010. Cabaran integrasi antara kaum di Malaysia: Perspektif sejarah, keluarga dan pendidikan. *Jurnal Hadhari*, 3: 61-84.
- Nadwah Daud & Nadhilah Abdul Pisal. 2014. Permasalahan pertuturan dalam bahasa Arab sebagai bahasa kedua. GEMA Online® *Journal of Language Studies*, 14 (1) Februari.
- Noraini Idris. 2013. *Penyelidikan dalam pendidikan*. Shah Alam: McGraw-Hill Education (M).
- Norehan Muhamad. 2010. Analisis kesilapan: Satu kajian terhadap karangan murid-murid Orang Asli. *Jurnal Penyelidikan DEDIKASI*. 1 (Dis): 199-136.
- Nor Hashimah Jalaluddin. 2010. *Sosiokognitif dan penguasaan pragmatik bahasa Melayu remaja Malaysia: Analisis linguistik*. Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia
- Norsimah Mat Awal, Nadrah Abu Bakar & Norhashimah Jalaluddin. 2012. Pembelajaran bahasa Melayu sebagai bahasa kedua: Pengungkapan idea dalam penulisan pelajar sekolah menengah di Malaysia. *Jurnal Melayu*, 9: 227-240.
- Nora'azian Nahar, Tahap Penguasaan Kemahiran Bertutur Bahasa Melayu Dalam Kalangan Murid Bukan Penutur Natif, *Jurnal Pendidikan Bahasa Melayu – JPBM (Malay Language Education Journal – MyLEJ)*, Vol. 8, Bil. 1 (Mei 2018): 74-83
- Punitha Vathi Muniandy, Abdul Jalil Othman & Sharir Jamaluddin. 2017. Kesan kemahiran bertutur dalam bahasa Malaysia secara kaedah pembelajaran informal dalam kalangan penutur asing dewasa: Satu pandangan pembelajaran berterusan. *JuKu Jurnal Kurikulum & Pengajaran Asia Pasifik*, 5 (4). Oktober.
- Rosni Samah, Mohd Fauzi Abdul Hamid, Shaferul
- Hafis Sha'ari & Amizan Helmi Mohamad. 2013. Aktiviti pengajaran kemahiran bertutur bahasa Arab dalam kalangan jurulatih debat. *GEMA Online®, Journal of Language Studies*, 13 (2): 227-240.
- Suthanthivadevi J.N.J. Money. 2003. *Bahasa Melayu pertuturan dalam komunikasi pelajar India*. Kuala Lumpur: Maktab Perguruan Teknik.
- Tay Meng Guat, Litat Bilung dan Ambikapathi Shanmugam. 2016. Faktor ekstralinguistik: Motivasi terhadap pembelajaran bahasa Melayu dalam kalangan penutur bukan natif. *Jurnal Penyelidikan IPGKBL*, 13: 32-41.
- Teo Kok Seong. 2014. Siri Wacana Pemartaban Bahasa Kebangsaan. Muzium Diraja, Istana Negara Lama. Kuala Lumpur pada 24 Februari 2014.
- Zamri Mahamod, Kamiliyah Ayu Ab. Ghani & Wan Muna Ruzanna Wan Mohammad. 2016. Penggunaan strategi pembelajaran bahasa Melayu dalam kalangan murid Cina berdasarkan sikap dan kemahiran bahasa. *Jurnal Pendidikan Bahasa Melayu*, 6 (1): 3851.

Zamri Mahamod & Magdeline Nor, (2012). Penguasaan pengetahuan pedagogi kandungan guru Bahasa Iban. *Gema Online™ Journal of Language Studies*, 12 (2): 593608.

